

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JABATAN PENGAJIAN AM**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SESI 1 2018/2019**

**BUA1012 : TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA**

**TARIKH : 27 DISEMBER 2018**

**MASA : 9.00 PAGI – 11.00 PAGI (2 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak.

Bahagian A: Aneka Pilihan (30 soalan)

Bahagian B: Struktur (1 soalan)

Bahagian C: Esei (1 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**BAHAGIAN A: 60 MARKAH****ARAHAN:**


Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan aneka pilihan jawapan. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

- CLO 1  
C1
1. Siapakah yang mempelopori istilah 'Umran' dalam disiplin ilmu ketamadunan?
- A. Ibnu Sina
  - B. Ibnu Khaldun
  - C. Muhammad Abduh
  - D. Muhammad Farid Wajdi
- CLO 1  
C1
2. Setiap tamadun manusia memiliki ciri-ciri tertentu yang bersifat sejagat iaitu...
- A. mempunyai sistem perundangan.
  - B. kerendahan adab sopan dan moral.
  - C. kegoyahan sistem organisasi sosial.
  - D. keteguhan kepercayaan animisme dan pagan.
- CLO 1  
C2
3. Mengapakah aspek keagamaan dan kerohanian dilihat sebagai faktor utama kekuatan tamadun dunia?
- A. Kesan peninggalan tamadun silam tidak menunjukkan kehidupan beragama.
  - B. Budi pekerti yang tinggi tidak hanya datang daripada ajaran agama tetapi kebendaan.
  - C. Kewujudan sistem pengelasan masyarakat adalah hasil daripada kefahaman terhadap agama yang dianuti.
  - D. Ajaran agama dan amalan rohani mendorong manusia menghayati nilai-nilai murni serta membentuk kehidupan bertamadun.
- CLO 1  
C2
4. Manakah faktor yang mendorong kepada kelahiran dan perkembangan sesebuah tamadun?
- A. Kedudukan geografi yang terpencil.
  - B. Penghayatan ajaran agama yang longgar.
  - C. Corak kehidupan secara nomad yang utuh.
  - D. Toleransi dan keterbukaan terhadap sumbangan tamadun lain.

- CLO 1  
C3
5. Apakah kesan positif ke atas sesuatu tamadun yang berinteraksi dengan tamadun lain?
- A. Memanjangkan kelestarian jangka hayat sesuatu tamadun.
  - B. Mewujudkan persaingan dalam penguasaan empayar ekonomi.
  - C. Peningkatan persaingan dalam industri pengeluaran persenjataan.
  - D. Membuka pintu kepada penyebaran budaya yang bercanggah dengan adat tempatan.
- CLO 1  
C3
6. Interaksi antara tamadun sesuatu bangsa atas semangat toleransi dan hormat menghormati akan menghasilkan...
- A. perkahwinan campur yang tiada had.
  - B. peralihan cara hidup secara menyeluruh.
  - C. percambahan ilmu dan budaya yang pelbagai.
  - D. pengagihan harta kekayaan antara satu sama lain.
- CLO 1  
C3
7. 

a) Penggunaan istilah <b>maharaja</b> , <b>pancaindera</b> dan <b>mantera</b> .
b) Kewujudan etnik Baba Nyonya.
c) Penggunaan tulisan Jawi .
- Apakah klasifikasi yang boleh dibuat terhadap ketiga-tiga perkara di atas?
- A. Pengaruh tamadun Cina ke atas tamadun Melayu.
  - B. Pengaruh tamadun India ke atas tamadun Melayu.
  - C. Pengaruh pelbagai tamadun ke atas tamadun Melayu.
  - D. Pengaruh tamadun Cina dan India ke atas tamadun Melayu.
- CLO 1  
C3
8. Interaksi antara kumpulan migran dan bukan migran dalam sesebuah tamadun agak sukar dikukuhkan kerana...
- A. sikap buruk sangka yang tinggi.
  - B. perbezaan fahaman politik, budaya dan sosial.
  - C. sikap golongan bukan migran yang enggan bertolak ansur.
  - D. keinginan golongan migran untuk menguasai kepemimpinan negara.
- CLO 1  
C3
9. Salah satu faktor pembinaan sesebuah tamadun adalah penghayatan yang tinggi terhadap moral.  
Hubungkan kenyataan ini dengan contoh yang **BETUL**.
- A. Sikap mementingkan diri dalam bidang pekerjaan.
  - B. Pelaksanaan sistem pemerintahan autokratik yang ketat.
  - C. Keutamaan keperluan masyarakat berbanding keperluan individu.
  - D. Ketegasan dalam mempertahankan pendapat peribadi pada semua keadaan.

- CLO 1  
C3
10. Era kegemilangan Empayar Mughal mula mengalami kemerosotan selepas kemangkatan Aurangzeb pada 1707 Masihi sehingga banyak wilayah terlepas daripada kekuasaan.
- Berdasarkan maklumat ini, faktor **UTAMA** keruntuhan Empayar Mughal boleh dikaitkan dengan...
- A. penindasan ke atas masyarakat minoriti.
  - B. jurang ekonomi kaya-miskin yang melebar.
  - C. perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin.
  - D. sikap tertutup dan tidak mahu menerima perubahan.
- CLO 2  
C1
11. Tamadun Islam mempunyai sumber rujukan yang tersendiri dan berbeza daripada tamadun-tamadun lain.  
Sumber tamadun Islam yang dimaksudkan ialah...
- A. al-Quran, Hadis dan Sunnah.
  - B. al-Quran, Sunnah dan ijihad.
  - C. al-Quran, Hadis dan Kitab Allah.
  - D. al-Quran, Sunnah dan Kitab Allah.
- CLO 2  
C1
12. Asas Tamadun Islam terdiri daripada tiga aspek utama iaitu...
- A. akidah, ilmu dan syariah.
  - B. tauhid, akidah dan syariah.
  - C. syarak, syariah dan akhlak.
  - D. akidah, syariah dan akhlak.
- CLO 2  
C2
13. Salah satu sifat Tamadun Islam ialah keterbukaan.  
Apakah yang dimaksudkan dengan keterbukaan dalam Tamadun Islam?
- A. Menerima semua kemajuan yang dibawa oleh tamadun Barat.
  - B. Menerima teknologi tamadun lain yang selari dengan prinsip tamadun Islam.
  - C. Membangunkan ketamadunan mengikut acuan tamadun-tamadun asing yang lebih moden.
  - D. Menyesuaikan prinsip ketamadunan Islam dengan semua perubahan tamadun lain mengikut peredaran zaman.
- CLO 2  
C2
14. Syariah Islam mempunyai tujuan tertentu dalam pembinaan diri manusia yang beriman dan berramaruah tinggi.  
Apakah *maqasid syariah* yang relevan dengan perkara ini?
- A. Memelihara agama dan akal.
  - B. Memelihara agama dan harta.
  - C. Memelihara agama dan nyawa.
  - D. Memelihara agama dan keturunan.

- CLO 2  
C2
15. Pandangan semesta Tamadun Islam dalam aspek ekonomi dapat dilihat dalam situasi-situasi berikut **KECUALI**...
- Islam membenarkan harta kekayaan berlegar dalam kalangan golongan kaya sahaja.
  - Zakat, wakaf dan sedekah menjadi medium persaudaraan di antara golongan kaya dan miskin.
  - Usaha mengumpulkan harta kekayaan perlu diseimbangkan dengan tuntutan ukhrawi (akhirat).
  - Pemerintah bertanggungjawab membanteras penyelewengan dalam agihan harta seperti rasuah, riba dan monopoli.
- CLO 2  
C2
16. Pernyataan berikut adalah bertepatan dengan hakikat kejadian manusia menurut pandangan Islam **KECUALI**...
- Manusia diciptakan oleh Allah melalui percantuman sperma dan ovum.
  - Manusia dicipta untuk berperanan sebagai khalifah Allah di muka bumi.
  - Tiada percanggahan fakta tentang proses kejadian manusia di antara sains dan al-Quran.
  - Teori evolusi penciptaan manusia yang dipopularkan oleh Charles Darwin adalah selari dengan pandangan Islam.
- CLO 2  
C4
17. Kehebatan tamadun Islam telah membawa kepada pengaliran ilmu pengetahuan ke Eropah yang akhirnya mengeluarkan masyarakat Eropah daripada zaman kegelapan.  
Simpulkan faktor **UTAMA** pengaliran ilmu pengetahuan Islam ke Eropah.
- Aktiviti penterjemahan karya-karya Islam ke bahasa Eropah.
  - Hubungan diplomatik kerajaan Islam dengan kerajaan Kristian.
  - Hubungan perdagangan kerajaan Islam dengan kerajaan Kristian.
  - Perpindahan keluar orang-orang Mozarab di Andalusia ke negara Kristian.
- CLO 2  
C4
18. 
- Berdasarkan maklumat di atas, kaitkan contoh-contoh yang sesuai dengan X.
- Menghulur sumbangan agar mendapat sokongan.
  - Amalan bertegur sapa sesama jiran berlainan bangsa.
  - Menghormati sambutan hari kebesaran sesuatu kaum.
  - Pelaksanaan prinsip keadilan berasaskan status agama.
- i dan ii.
  - i dan iv.
  - ii dan iii.
  - iii dan iv.

- CLO 2  
C4
19. Peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah merupakan salah satu catatan peristiwa terpenting dalam fasa-fasa perkembangan Tamadun Islam. Apakah impak **PALING SIGNIFIKAN** hasil penghijrahan ini?
- A. Penubuhan sebuah kerajaan Islam yang pertama di dunia.
  - B. Madinah menjadi semakin terkenal sebagai kota tumpuan para pedagang.
  - C. Jumlah penganut Islam di Semenanjung Arab melebihi penganut bukan Islam.
  - D. Penganut Islam dapat membebaskan diri daripada kezaliman para pembesar Quraisy Mekah.
- CLO 2  
C4
20. Apakah strategi **PALING BERKESAN** untuk mengembalikan zaman kegemilangan umat Islam?
- A. Mengadaptasi teknologi Barat dalam semua aspek kehidupan.
  - B. Mengajak umat kembali menghayati keseluruhan ajaran Islam.
  - C. Mewujudkan pakatan ketenteraan dalam kalangan negara Islam.
  - D. Menjalin hubungan baik dengan negara-negara kuasa besar dunia.
- CLO 3  
C2
21. Apakah elemen **UTAMA** dalam mengidentifikasi wilayah Melayu?
- A. Bahasa *Lingua Franca*.
  - B. Nusantara dan Asia Tenggara.
  - C. Adat dan kebudayaan Melayu.
  - D. Bahasa Melayu dan agama Islam.
- CLO 3  
C2
22. Sebelum kedatangan pengaruh Hindu-Buddha, animisme menjadi pegangan masyarakat dalam Tamadun Melayu. Manakah antara pernyataan berikut yang menggambarkan kepercayaan animisme?
- A. Kepercayaan mistik yang menjadi pegangan dalam kalangan Orang Asli sahaja.
  - B. Kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai semangat yang mesti didewakan.
  - C. Kepercayaan bahawa roh nenek moyang sentiasa mengawasi anak cucu yang masih hidup.
  - D. Kepercayaan bahawa roh orang yang mengamalkan ilmu hitam akan kembali ke dunia selepas kematiannya.
- CLO 3  
C3
23. Sumbangan **UTAMA** Tamadun Melayu kepada Tamadun Malaysia masa kini dapat dilihat pada...
- A. kepelbagaian sumber ekonomi negara.
  - B. sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan.
  - C. kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi.
  - D. sistem sosial yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya.

- CLO 3  
C3
24. Kaitkan perkara yang menjadi faktor **UTAMA** penerimaan Islam oleh masyarakat dalam tamadun India.
- A. Perkahwinan campur.
  - B. Ciri-ciri ajaran agama Islam.
  - C. Tekanan sistem kasta yang dianggap menindas.
  - D. Kemewahan yang ditonjolkan oleh pedagang Islam.
- CLO 3  
C4
25. Sistem Kasta merupakan sistem pengelasan masyarakat dalam tamadun India berdasarkan kedudukan dan bidang pekerjaan seseorang. Kaitkan bidang pekerjaan dengan kasta Vaisya.
- A. Pertanian dan perindustrian.
  - B. Persenjataan dan ketenteraan.
  - C. Perniagaan, saudagar dan ceti.
  - D. Kepemimpinan dan pemerintahan.
- CLO 3  
C4
26. Menurut ajaran Buddha, penderitaan yang dihadapi oleh manusia adalah disebabkan oleh hawa nafsu. Bagi mengatasi masalah ini, penganut agama Buddha perlu mematuhi ajaran-ajaran berikut iaitu...
- i. Jalan Mahayana
  - ii. Lima rukun Buddha
  - iii. Jalan lapan lapis mulia
  - iv. Empat kebenaran mulia
- A. i dan ii.
  - B. ii dan iii.
  - C. iii dan iv.
  - D. ii, iii dan iv.
- CLO 3  
C5
27. Berikut adalah bentuk hubungan dalam masyarakat yang boleh dirumuskan berdasarkan ajaran Konfusianisme **KECUALI**...
- A. Raja perlu berperikemanusiaan dan pegawai harus mentaati baginda.
  - B. Suami harus jujur terhadap isteri manakala isteri perlu menghormati suami.
  - C. Warga emas perlu menghormati orang muda dan orang muda mesti membantu warga emas.
  - D. Ayah perlu berbuat baik terhadap anak dan anak mesti menunaikan tanggungjawab terhadap ayahnya.

CLO 3  
C5 28. Implikasi daripada asimilasi sosial yang berlaku di antara orang Aryan dengan Dravidian ialah wujudnya penyembahan...

- A. Surya.
- B. Brahma.
- C. Trimurthi.
- D. Vaishnavisme.

CLO 3  
C5 29.

- Kepercayaan kepada kelahiran semula.
- Peraturan sebab-akibat.
- Penyucian rohani.

Berdasarkan maklumat di atas, rumuskan unsur yang menjadi asas kepada pembentukan pandangan semesta Tamadun India.

- A. Kisah-kisah tokoh dalam sastera klasik India.
- B. Falsafah dan pegangan agama masyarakat India.
- C. Adat resam masyarakat India yang diwarisi turun temurun.
- D. Idea dan pemikiran tokoh-tokoh dalam kalangan kasta atasan.

CLO 3  
C5 30. "Maharaja melaksanakan undang-undang yang ketat demi memastikan kecekapan pentadbiran dan ketertiban masyarakat"

Rumuskan aliran pemikiran falsafah Tamadun Cina yang boleh dikaitkan dengan situasi di atas.

- A. Taoisme.
- B. Maoisme.
- C. Legalisme.
- D. Konfusianisme.



**BAHAGIAN B: (20 MARKAH)****ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan struktur. Jawab semua soalan.

**SOALAN 1**

- CLO 3  
C1 a) Secara tradisional, masyarakat Cina dibahagikan kepada empat kelas utama berdasarkan jenis pekerjaan.  
Nyatakan **EMPAT (4)** kelas tersebut. [4 markah]
- CLO 4  
C3 b) Bincangkan **DUA (2)** halangan pelaksanaan jihad dalam kalangan masyarakat Islam. [4 markah]
- CLO 4  
C5 c) Bincangkan **EMPAT (4)** kepentingan penganjuran dialog peradaban dalam kalangan rakyat Malaysia berserta contoh. [12 markah]

**BAHAGIAN C: (20 MARKAH)****ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan esei. Jawab semua soalan.

**SOALAN 1**

- CLO 4  
C6 Dunia abad ke-21 kini berdepan dengan cabaran globalisasi yang sangat hebat dari pelbagai sudut.  
Rumuskan **DUA (2)** kesan positif dan **DUA (2)** kesan negatif globalisasi terhadap kehidupan manusia sejagat. [20 Markah]

**SOALAN TAMAT**